

Kunjungan delegasi Komiti VII Dewan Rakyat Aceh

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerima kunjungan daripada Komiti VII Dewan Perwakilan Rakyat Aceh Indonesia yang dialu-alukan oleh Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 28 November. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerima kunjungan daripada Komiti VII Dewan Perwakilan Rakyat Aceh Indonesia.

Kunjungan delegasi diketuai oleh Ketua Komiti VII Dewan berkenaan, Haji Ghufuran bin Zainal Abidin dan diiringi dua Ahli Komiti dan pegawai-pegawai Kedutaan Besar Republik Indonesia.

Rombongan delegasi dialu-alukan oleh Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad.

Tujuan kunjungan ialah untuk membangunkan kerjasama dan perkongsian maklumat berkaitan pembangunan dan pengurusan pelancongan halal serta membincangkan isu-isu pendidikan Islam khususnya di universiti tersebut.

Perbincangan dihadiri sama oleh beberapa tenaga akademik UNISSA sekali gus memberikan pencerahan tentang perkembangan pendidikan Islam di universiti itu yang melibatkan warga Indonesia.

SM YSHHB sertai Program Homestay Wakayama Kali Ke-5



PARA pelajar dari Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah yang menyertai Program Homestay Wakayama Kali Ke-5 di Jepun semasa bergambar ramai bersama guru-guru.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. ZuHzzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 28 November. - Seramai enam pelajar dan dua tenaga pengajar Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah (SM YSHHB) menyertai Program Homestay Wakayama Kali Ke-5 yang bermula pada 29 November hingga 6 Disember 2018.

Rombongan diketuai oleh Pengetua SM YSHHB, Chong Li Chen dan ketika ditemui Pelita Brunei sebelum berlepas di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, beliau menyatakan bahawa penyertaan kali pertama SM YSHHB dalam program scumpamanya adalah pada tahun 2013, di mana ia disertai oleh 10 orang, terdiri daripada tujuh penuntut dan tiga tenaga pengajar.

Jelasnya, program pertukaran ini diadakan adalah untuk mempromosi pertukaran budaya di antara Negara Brunei Darussalam dan Jepun.

"Dengan menyertai program ini, mereka akan mengalami sendiri pengalaman menginap di rumah-rumah keluarga Jepun masing-masing dan dalam pada masa yang sama, mereka dapat melihat lebih dekat lagi cara hidup orang-orang Jepun melalui warisan budaya, etika dan nilai-nilai kehidupan, terutama dalam arus kemajuan teknologi masa kini dan kemasukan pengaruh barat ke negara mereka juga memahami bagaimana pemuliharaan dan pengadunan budaya tradisi dan moden membawa kesan yang positif," terangnya. Mereka juga berpeluang

mempelajari geografi serantau, fizikal dan ekonomi Jepun di Wakayama dan Osaka, selain mengetahui pelbagai industri tempatan, perdagangan juga perniagaan Jepun.

Pelbagai atur cara juga akan disajikan di sepanjang keberadaan mereka di sana seperti mengadakan kunjungan hormat kepada Gabenor Wakayama Prefecture, Datuk Bandar Yura dan Datuk Bandar Kimino; rombongan juga diberikan peluang memakai pakaian tradisi Jepun di Kobe City; dan lawatan ke universiti-universiti dan sekolah-sekolah di wilayah Wakayama.

SM YSHHB juga menerima lawatan dari Sekolah Wakayama pada bulan Ogos lalu daripada skumpulan 14 pelajar dan dua guru pengawas dari sekolah berkenaan bagi Program Pertukaran Pelajar Belia dan Budaya Brunei - Wakayama 2018.

Majlis Khatam Muslimah Masjid Zainab

Berita dan Foto :
Noraisah Haji Muhammed

LUMUT, Rabu, 28 November. - Al-Quran adalah kalamullah, Firman Allah Ta'ala, merupakan mukjizat terbesar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang diperoleh melalui wahyu yang berperantaraan Malaikat Jibril. Ganjaran membaca Al-Quran itu bernilai ibadah.

Selubungannya itu, seramai 34 Muslimah Masjid Zainab menyertai Majlis Khatam Al-Quran yang dianjurkan oleh Kelas Bimbingan Muslimah masjid berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat, Ketua Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Dayang Norainiyanti binti Haji Hussin yang juga turut merenjis wangian kepada peserta khatam.

Majlis Khatam di Masjid Zainab tersebut bertujuan untuk mendekatkan para muslimah supaya sentiasa mendampingi Al-Quran dalam kehidupan sehari-hari.

Temu bual Pelita Brunei bersama Guru Pembimbing Kelas Muslimah, Dayang Shamsiah binti Haji Abd. Wahid berkata, adalah disarankan agar lebih ramai lagi Muslimah untuk mengikuti kelas bimbingan Muslimah supaya menjadi wanita Muslimah yang terbimbing dan terpuji juga berilmu.

Selain itu, ia juga dihasrat agar Muslimah akan terus bergiat aktif dalam mengikuti Majlis Khatam dan sentiasa mengamalkan bacaan Al-Quran dalam menjalani hidup di dunia dan mendapat keberkatan di akhirat kelak.



ANTARA Muslimah Masjid Zainab yang menyertai Majlis Khatam Al-Quran yang dianjurkan oleh Kelas Bimbingan Muslimah masjid berkenaan.